

TIH jangka catat pendapatan kukuh tahun ini

Pengurus produk insurans, Tune Ins Holdings Bhd (TIH), menjangka mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh tahun ini sejajar dengan pertumbuhan yang sedang dicatatkan AirAsia Bhd.

TIH adalah anak syarikat 20 peratus AirAsia.

Ketua Eksekutifnya Peter Miller berkata, syarikat itu akan menyandarkan pertumbuhannya terhadap perjalanan udara dan pelancongan dan kesedaran orang ramai mengenai keperluan untuk membeli insurans bagi mendapatkan perlindungan perjalanan.

Pendapatan berkembang

"Dengan 37 juta penumpang menggunakan AirAsia, kami menjangkakan pendapatan akan berkembang kukuh," katanya kepada media

selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu, di Kuala Lumpur, semalam.

FAKTA NOMBOR

37
juta

penumpang
menggunakan Airasia

Katanya, pertumbuhan kumpulan itu juga sebahagian besarnya disumbangkan oleh pasukan petugas yang kukuh dan projek yang sedang dilaksanakan.

Miller berkata, salah satu inisiatif utama syarikat itu ialah kerjasama

dengan Malayan Insurance Co Ltd pada 21 Mei lalu untuk menguruskan insurans perjalanan bagi penumpang Cebu Pacific Air.

Katanya, pengambilalihan 70 peratus kepentingan dalam PT Batavia Mitratama Insurance pula dijangka diselesaikan pada suku ketiga tahun ini.

"Kami menjangkakan pengambilalihan ini akan menyumbang kepada kumpulan dalam tempoh jangka panjang," katanya.

Mengenai rancangan pengambilalihan di Thailand, beliau berkata, syarikat itu tidak mengadakan sebarang rundingan dengan mana-mana pihak kerana ia masih dalam proses mengenal pasti rakan kongsi yang sesuai.

Sementara itu, Pengurus Besar TIH, Sasitharan Krishnan, berkata syarikat itu akan mengembangkan lesen Tune Insure supaya penumpang yang terbang ke Korea, Taiwan, Sri Lanka dan Brunei akan diliputi insurans.

TIH kini beroperasi di 14 negara. Tahun lalu ia pendapatannya melonjak kepada RM226.38 juta berbanding RM55.87 juta pada 2011.